

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**SOALAN NO. 506**

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan untuk menaik taraf kemudahan dan perkhidmatan jalur lebar di daerah Kluang memandangkan kelajuan internet di sekeliling Kluang kurang memuaskan buat masa ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan untuk menaiktaraf kemudahan dan perkhidmatan jalur lebar seluruh negara termasuk di daerah Kluang adalah juga tertakluk dengan kebenaran merancang kerajaan negeri Johor.
2. Pada masa ini, bagi Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), projek Jalur Lebar BerkelaJuan Tinggi (HSBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di ibu negeri dan bandar-bandar utama di seluruh negara termasuk di Parlimen Kluang. Sehingga kini, sebanyak 7,592 sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan satu ibusawat di Parlimen Kluang.
3. Selain itu, pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar di seluruh negara termasuk di Parlimen Kluang. Sebanyak 9,520 sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan satu ibusawat di Parlimen

Kluang, manakala sebanyak 80 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat di bawah projek RBB.

4. Pihak Kerajaan juga turut melaksanakan inisiatif Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada di seluruh negara termasuk di Parlimen Kluang. Sehingga kini terdapat satu menara komunikasi baharu telah dibina di Parlimen Kluang. Selain itu, sebanyak 7 buah menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G/4G manakala satu menara komunikasi sedia ada masih dalam peringkat penaiktarafan di Parlimen Kluang. Ini merupakan tambahan kepada 43 buah menara komunikasi yang telah dibangunkan secara komersial di Parlimen Kluang.